

(4-7-2021) Sinar Harian PG

# Penduduk keliru SOP PKPD bersasar KL

Dakwa maklumat  
MKN tidak selari  
dengan arahan  
di lapangan

Oleh NORAFIZA JAAFAR

KUALA LUMPUR

**P**enduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Batu Muda di sini keliru dengan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bersasar di kawasan perumahan itu yang dijalankan serentak dengan beberapa lokaliti lain berkuat kuasa pada Sabtu.

Ketua Blok A, Abu Bakar Mat Nayan berkata, maklumat oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) melalui media massa didapati tidak sama dengan apa yang mereka jalani di lapangan.

Menurutnya, penduduk juga masih samar mengenai status keluar masuk ke perumahan tersebut, selain status kebenaran untuk keluar bekerja.

"Ramai yang keliru, tak tahu boleh keluar atau tidak. Yang mempunyai surat MITI tidak tahu sama ada dibenarkan keluar bekerja atau tidak.

"Buat masa ini, pelaksanaan PKPD di sini masih longgar dan sedang menunggu arahan daripada MKN. Saya diarahkan untuk mengumpul data setiap isi rumah," katanya ke-



Keadaan di PPR Batu Muda yang menjalani PKPD bersasar bermula Sabtu.

pada Sinar Ahad.

Seorang penduduk, Siti Rhodiliza Yahafi, 47, berkata, dia tidak sempat membuat persiapan menghadapi PKPD disebabkan bekerja.

"Saya bekerja dan semalam (Jumaat) balik pun dah lewat. Apabila tiba di pasar raya, tak sempat nak beli apa-apa kerana orang ramai.

"Namun, itu tidak terlalu membimbangkan kerana setiap ketua keluarga masih boleh keluar ketika PKPD untuk beli barang, cuma yang risau sekarang status untuk pergi kerja," katanya.

Jelasnya, dia difahamkan PKPD di Kuala Lumpur dilaksanakan secara bersasar tetapi penduduk tidak dibenarkan keluar bekerja walaupun



ABU BAKAR

memiliki surat MITI.

"Harap ada penjelasan yang utuh dan pengesahan mengenai perkara ini, sebab saya perlu memaklumkan kepada majikan," katanya.

Pada Khamis, MKN memutuskan melaksanakan PKPD di mukim Selangor dan beberapa lokaliti

di Kuala Lumpur selama 14 hari sehingga 16 Julai ini.

Lokasi PKPD di Kuala Lumpur adalah PPR Sri Semarak, PPR Batu Muda, Flat Seksyen 1 dan 2 Wangsa Maju, Kampung Padang Balang, Taman Koperasi Polis (Fasa 1 dan 2) dan Flat Sri Sabah.

Turut tersenarai Kampung Puah, PPR Kampung Baru Air Panas, Flat Desa Pandan (termasuk Baiduri dan Delima), Kampung Batu Muda, PPR Kerinchi, Bandar Baru Sentul dan Taman Ikan Emas.

**MENDEPANI KRISIS  
COVID-19:  
APA TINDAKAN  
KITA?**